



PANDUAN

PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK

DISEDIAKAN OLEH : UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC), MDKT

KEMASKINI 14/7/2021



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

SESI TAKLIMAT DAN PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI JOHOR

PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK

**30 MEI 2021 (AHAD)
9.00 PG**

**Bahagian Penyelidikan & Pembangunan
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

**PROSEDUR PERMOHONAN
PENGINAPAN PEKERJA
SEMENTARA SECARA
JANGKA PENDEK BOLEH
DIMUAT TURUN MELALUI :**





ISU SEMASA



1. Tempat yang kotor dan penularan wabak penyakit.
2. Keperluan asas air bersih, kumbahan dan tempat tinggal tidak sempurna.
3. Ketiadaan kemudahan sokongan (tandas, surau, tempat mandi, tempat makan, basuh baju, tempat pembuangan sampah).
4. Tempat tinggal tidak selamat dan boleh menyebabkan risiko kemalangan.

3



LATAR BELAKANG

PANDUAN PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA

JANGKA PENDEK

- (i) **Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek** telah diluluskan di MNKT Ke-77 yang bersidang pada 2 Mac 2021 meliputi enam (6) alternatif cadangan penginapan pekerja bagi tempoh tiga (3) tahun (2021-2023).
- (ii) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT telah menyediakan **Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Di Dalam Tapak Bina** telah diluluskan di mesyuarat JPP KPKT.
- (iii) PBN Johor (MMK Bil.459/2021) telah bersetuju menerima pakai prosedur ini pada 14.4.2021.

JANGKA PANJANG

- (i) Mesyuarat Pengurusan KPKT Bil.7/2021 pada 17 Februari 2021 yang dipengerusikan KSU, KPKT bersetuju PLANMalaysia menyediakan **Deraf Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) Bagi Cadangan Penyelesaian Jangka Panjang**.
- (ii) Sesi libat urus (engagement) bersama *industry player*, kerajaan, PBT, PBN, NGO, persatuan professional, PEMUDAH telah diadakan pada 19 Mac 2021.

4



LATAR BELAKANG

1. PLANMalaysia Bersama JTKSM pada 2019 telah mengambil inisiatif menyediakan **Deraf Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Asing (TLQ dan CLQ)**.
2. Bagi menyelesaikan isu dan permasalahan semasa berkaitan penginapan pekerja (khususnya pekerja asing), **inisiatif bagi memudah cara penyediaan penginapan pekerja secara jangka pendek** perlu dilaksanakan yang melibatkan peranan dan tindakan oleh agensi negeri dan pihak berkuasa tempatan.
3. Mesyuarat **Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-77 (MNKT Ke-77) yang bersidang pada 2 Mac 2021** telah bersetuju untuk menerima pakai Prosedur yang digubal di peringkat PBN dan seterusnya PBT.

5



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

TUJUAN PROSEDUR

1. Prosedur permohonan ini disediakan bagi membantu PBN, PBT, agensi kerajaan, pihak pemaju, majikan, pengilang dan pengusaha penginapan di dalam menyediakan penginapan pekerja meliputi pekerja asing dan tempatan terutama **dalam waktu pandemik covid-19**.
2. **Penyelesaian jangka pendek yang memerlukan tindakan segera.**
3. Terpakai dalam tempoh **tiga (3) tahun** bermula **tahun 2021 hingga 2023**.
4. **Penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ)** adalah kaedah terbaik untuk memastikan kawalan dan penyediaan penginapan yang lebih berkualiti dan sistematik di masa akan datang.



6



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

BENTUK PENGINAPAN

1. PENGINAPAN PEKERJA :

Satu unit kediaman/perniagaan/perindustrian yang digunakan untuk menempatkan beberapa orang pekerja (pekerja asing atau pekerja tempatan) dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.



2. ASRAMA PEKERJA :

Deretan atau kelompok bangunan yang lebih dari satu unit bangunan yang digunakan untuk menempatkan sekumpulan pekerja (pekerja asing atau pekerja tempatan) dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN SEMASA

1. Seksyen 24H, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan), 2019 (Akta 446).
2. Seksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172).
3. Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).
4. Seksyen 116, Seksyen 117 dan Seksyen 120, Kanun Tanah Negara, 1965.
5. Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).





PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

KEPERLUAN PEMATUHAN AKTA 446

AKTA 446 DAN PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 2020


| BIL | PERKARA | DORMITORI | SELAIN DORMITORI (BEDSITTER) |
|-----|--|--|---|
| 1 | Ruang tidur | 3.0m ² : setiap pekerja | 3.6m ² : setiap pekerja |
| 2 | Tandas | 1 tandas dan bilik air : 15 pekerja (bilik air dan tandas boleh bersekali atau berasingan) | 1 tandas dan bilik air : 6 pekerja (bilik air dan tandas boleh bersekali atau berasingan) |
| 3 | Kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi | (i) Katil bujang tidak kurang 1.7m ² / Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7m ² ; (ii) Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal; (iii) Bantal; (iv) Selimut; dan (v) Almari berkunci bersaiz tidak kurang daripada 0.35m panjang x 0.35m lebar x 0.9m tinggi. | |
| 4 | Bekalan air dan elektrik | Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan/asrama pekerja | |
| 5 | Kemudahan asas yang lain | (i) Satu ruang rehat; (ii) Satu ruang makan dengan kerusi dan meja satu ruang dapur; (iii) Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur; (iv) Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas; (v) Ruang menyidai pakaian; (vi) Satu alat pertolongan cemas; dan (vii) Tong sampah. | |

9



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

6 ALTERNATIF PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK



10



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 1 (A1): PENGINAPAN PEKERJA DI KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA

- i. Majikan boleh menggunakan kaedah penyewaan biasa bagi tujuan penginapan pekerja di dalam kawasan perumahan secara unit individu (bertanah/bertingkat/strata). Salinan Perjanjian Sewaan bersama Senarai Penyewa (pekerja) perlu dikemukakan kepada PBT sebagai pemakluman dan rekod bagi tujuan kawalan dan pemantauan.



Contoh: Saiz Satu Unit Pangsapuri Dan Tampungan Maksima Bilangan Pekerja Yang Dibenarkan Mengikut Akta 446

| BILIK | SAIZ BILIK | KAPASITI MAKSIMUM |
|-------|--------------------------------------|--|
| 1 | 3.03 m x 3.5 m = 10.6 m ² | 10.6 m ² / 3.6 m ² = 2 pekerja |
| 2 | 3.5 m x 3 m = 10.5 m ² | 10.5 m ² / 3.6 m ² = 2 pekerja |
| 3 | 3 m x 2.7m = 8.1 m ² | 8.1 m ² / 3.6 m ² = 2 pekerja |

- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah/ PPR/ Mampu Milik | ✓ |
| 3 | Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT | ✓ |
| 4 | Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah | ✓ |
| 5 | Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu. | ✓ |

11



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 2 (A2): ASRAMA PEKERJA DI KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA

- i. Majikan yang mempunyai pekerja yang ramai, kawasan (keseluruhan blok) atau beberapa unit kediaman sedia ada (bertanah/bertingkat/strata) dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada asrama pekerja melalui proses PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM) TEMPOH TERHAD.

- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|---|--|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah/ PPR/ Mampu Milik | ✓ |
| 3 | Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT | ✓ |
| 4 | Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah | ✓ |
| 5 | Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu. | ✓ |
| 6 | Perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan JMB bagi kediaman berstrata | ✓ |
| 7 | Pihak majikan digalag menyediakan pengangkutan khas untuk mengambil pekerja | ✓ |
| 8 | Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau ubahsuai bangunan daripada PBT mengikut Akta 133. | ✓ |

12



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 3 (A3): PENGINAPAN PEKERJA DI UNIT RUMAH KEDAI SEDIA ADA

- i. Majikan boleh menyewa di unit rumah kedai sedia ada bagi tujuan penginapan pekerja. Salinan Perjanjian Sewaan bersama Senarai Penyewa (pekerja) perlu dikemukakan kepada PBT sebagai makluman dan rekod bagi tujuan kawalan dan pemantauan.
- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|---|--|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT | ✓ |
| 3 | Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah | ✓ |
| 4 | Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu. | ✓ |
| 5 | Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau ubahsuai bangunan daripada PBT mengikut Akta 133. | ✓ |

13



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 4 (A4): PENGINAPAN PEKERJA ATAU ASRAMA PEKERJA DI KEDAI PEJABAT DAN PLOT PERNIAGAAN SEDIA ADA

- i. Unit kedai pejabat atau plot perniagaan (bertanah/ bertingkat/ strata) sedia ada dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada penginapan pekerja atau asrama pekerja melalui proses PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM) TEMPOH TERHAD.
- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|---|--|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT | ✓ |
| 3 | Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah | ✓ |
| 4 | Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu | ✓ |
| 5 | Perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan JMB bagi premis berstrata | ✓ |
| 6 | Pihak majikan digalakkan menyediakan pengangkutan khas untuk mengambil pekerja | ✓ |
| 7 | Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau ubahsuai bangunan daripada PBT mengikut Akta 133. | ✓ |
| 8 | Perlu mendapatkan kelulusan Permit Khas dari PBN bagi kebenaran penggunaan yang lain dari syarat tersirat dan syarat nyata yang ditetapkan di bawah Seksyen 116 dan 120, KTN 1965 (prosedur adalah tertakluk kepada PBN) | ✓ |
| 9 | Bagi asrama pekerja, kemudahan seperti kawalan keselamatan, surau, tempat makan dan dapur perlu disediakan | ✓ |

14



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 5 (A5): PENGINAPAN PEKERJA ATAU ASRAMA PEKERJA DI PREMIS PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

- i. Bagi cadangan penempatan pekerja menggunakan kawasan premis perindustrian sedia ada, kawasan atau beberapa unit perindustrian dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada penginapan pekerja atau asrama pekerja melalui proses permohonan **KEBENARAN MERANCANG (KM) TEMPOH TERHAD**.
- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|----|--|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT | ✓ |
| 3 | Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah | ✓ |
| 4 | Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu | ✓ |
| 5 | Unit perindustrian yang dibenarkan adalah meliputi lot Kilang Teres/Sesebuah/Kilang Berkembar atau Kilang Kluster | ✓ |
| 6 | Hanya dibenarkan dalam kawasan industri kategori sederhana dan ringan | ✓ |
| 7 | Sekiranya melibatkan pengubah suai dalam atau luaran sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan daripada PBT mengikut Akta 133. | ✓ |
| 8 | Perlu mendapatkan kelulusan Permit Khas dari PBN bagi kebenaran penggunaan yang lain dari syarat tersirat dan syarat nyata yang ditetapkan atas tanah berhakmilik di bawah Seksyen 117 dan 120, KTN 1965 (prosedur adalah tertakluk kepada PBN) | ✓ |
| 9 | Memastikan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, sistem kumbahan dan pembuangan sisa pepejal yang teratur | ✓ |
| 10 | Bagi cadangan asrama pekerja, kemudahan sokongan seperti kawalan keselamatan, surau, tempat makan dan dapur perlu disediakan | ✓ |

15



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

ALTERNATIF 6 (A6): ASRAMA PEKERJA DI DALAM TAPAK BINA

- i. Cadangan asrama pekerja di dalam tapak bina boleh dilaksanakan dengan mematuhi **Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Di Dalam Tapak Bina** yang disediakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melalui **Surat Edaran KSU KPKT Bertarikh 18 Disember 2021**.
- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan :

| | | |
|---|--|---|
| 1 | Mematuhi Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja, 2020 | ✓ |
| 2 | Memastikan sistem kumbahan yang teratur | ✓ |
| 3 | Menyediakan keperluan bekalan air dan elektrik yang mencukupi | ✓ |
| 4 | Memastikan sistem buangan sisa pepejal yang teratur | ✓ |
| 5 | Menyediakan kemudahan sokongan yang teratur seperti ruang memasak, ruang makan, tandas dan surau | ✓ |



16



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Di Dalam Tapak Bina yang disediakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melalui Surat Edaran KSU KPKT Bertarikh 18 Disember 2021.



4. KPKT juga ingin maklumkan bahawa penyediaan SOP ini telah disediakan dan menjadi Akta Perancangan dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parkir dan Bangunan 1974 (Akta 123). Keluasan pelan bagi peredaran bangunan rumah pekerja di atas tapak bina yang telah diberi kebenaran merancang hendaklah diperoleh dari Pihak Berkuasa Tempatan melalui permohonan Permit Sementara Bangunan bagi mendapatkan Kelulusan Pelan Bangunan sebagai rasmi perubahan LUJK 18 dan UJK 19 UKDS 1984. Selain itu, melalui buaya dan buku Bicara Pihak Berkuasa Tempatan, satu keterangan khas akan memuatkan langkah-langkah bangunan sebelum kelulusan pelan dipaparkan boleh diberikan menurut UJK 13 UKBG 1984 dengan syarat permohonan Pelan Permit Sementara telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun pemohon adalah terutamanya kepada syarat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk berkaitan pengurusan seperti pembatalan kelulusan dan pengalihan kawasan di bawah mana-mana undang-undang Kuel yang berkaitan.

5. Sehubungan dengan itu, semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mematuhi paku dari seterusnya melaksanakan Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina (seperti di lampirkan) untuk memastikan kelulusan pembinan negara laju berhubung paku untuk membolehkan kegiatan ekonomi negara.

Selain, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK ZAINUL ABIDIN BIN ABU HASSAN)



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3 SENARIO PENGINAPAN/ ASRAMA PEKERJA DI DALAM KAWASAN PERTANIAN

SENARIO 1:
Rumah Kampung di luar kawasan pentadbiran PBT

- Persetujuan dan kelulusan PBT adalah dikecualikan.
- perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020.
- Pihak majikan perlu membuat pengesahan kesesuaian dan keselamatan bangunan secara penilaian sendiri (self-assessment) sebelum mengemukakan permohonan kelulusan perakuan penginapan kepada JTK Semenanjung Malaysia.

SENARIO 2:
Penginapan pekerja di dalam lot pertanian di luar kawasan pentadbiran PBT

- Tidak perlu memohon Kebenaran Merancang (KM).
- Rumah pekerja yang bertujuan untuk kegunaan pertanian boleh dibina tidak melebihi 1/5 daripada luas kawasan tanah atau 2 hektar (tidak perlu permohonan permit khas daripada PBN) Berdasarkan Seksyen 115(4) Kanun Tanah Negara.
- Majikan hanya perlu menyediakan pengesahan kesesuaian dan keselamatan bangunan secara penilaian sendiri (self-assessment) sebelum mengemukakan permohonan kelulusan perakuan penginapan kepada JTK Semenanjung Malaysia.
- Mematuhi Akta 446.

SENARIO 3:
Penginapan pekerja lot pertanian yang berada di dalam kawasan PBT

- KM Tempoh Terhad perlu dipohon seperti biasa melalui OSC 3.0 Plus (hanya melibatkan ulasan 3 jabatan dalaman dan kelulusan dalam tempoh 30 hari).
- Rumah pekerja yang bertujuan untuk kegunaan pertanian boleh dibina tidak melebihi 1/5 daripada luas kawasan tanah atau 2 hektar (tidak perlu permohonan permit khas daripada PBN) Berdasarkan Seksyen 115(4) Kanun Tanah Negara.
- Mematuhi Akta 446.



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3 SENARIO PENGINAPAN/ ASRAMA PEKERJA BAGI INDUSTRI PERKAYUAN

SENARIO 1:

Menempatkan pekerja di kawasan premis sedia ada (kediaman, perniagaan, industri)

- Mengikut Prosedur Permohonan Penginapan Pekerja Sementara Secara Jangka Pendek.
- Enam (6) pilihan yang disediakan.

SENARIO 2:

Bercadang membina asrama pekerja di dalam lot industri perkayuan sedia ada (jika terdapat ruang kosong yang mencukupi)

- Perlu memohon pindaan Kebenaran Merancang (KM) disebabkan dalam KM asal tidak ada cadangan asrama pekerja.
- Mematuhi Akta 446.

SENARIO 3:

Bercadang membina asrama pekerja sementara di luar dari lot industri perkayuan.


- Perlu memohon Kebenaran Merancang (KM) secara tempoh terhad.
- Mematuhi Akta 446.



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CARTA ALIR 1 : PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI PREMIS KEDIAMAN DAN RUMAH KEDAI SEDIA ADA

BAGI ALTERNATIF 1(KEDIAMAN) DAN ALTERNATIF 3 (RUMAH KEDAI)





PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CARTA ALIR 2 : PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI PREMIS PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

BAGI ALTERNATIF 2 (KEDIAMAN), ALTERNATIF 4 (PERNIAGAAN) DAN ALTERNATIF 5 (INDUSTRI)

Peringkat 1 :

Majikan & Pemilik Premis menyelesaikan urusan perjanjian sewa. Sekiranya melibatkan lebih dari satu pemilik premis, majikan perlu selesai dengan semua pemilik premis terlibat. Majikan/Pemilik Premis melantik PSP/SP bagi tujuan keperluan mengemukakan permohonan KM/Pelan Bangunan.


Sila rujuk perincian proses KM tempoh terhad.

Peringkat 2 :

Permohonan KM tempoh terhad melalui OSC 3.0 Plus oleh PSP/SP dengan merujuk Manual OSC 3.0 Plus Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) yang disediakan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).


Peringkat 3 :

Kelulusan Perakuan Penginapan di bawah Akta 446 oleh JTK SM.



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CARTA ALIR 3 : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM TEMPOH TERHAD)



Sumber : JKT (2021)




PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CARTA ALIR 4 : PERMOHONAN PERMIT (PEMBINAAN KECIL ATAU UBAHSUAI BANGUNAN)

Agensi mengulas adalah terdiri dari Jabatan dalam PBT seperti berikut :

- Jabatan Perancang
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Kesihatan



Sumber : JKT (2021)



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CONTOH SURAT PERMOHONAN DARIPADA MAJIKAN BAGI ALTERNATIF A1 DAN ALTERNATIF A3

CONTOH SURAT PERMOHONAN DARIPADA MAJIKAN/WAKIL MAJIKAN BAGI PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK DI BAWAH ALTERNATIF A1 (UNIT KEDAMAIAN SEDIA ADA) DAN ALTERNATIF A3 (PREMIS RUMAH KEDUA SEDIA ADA)

Di: Kanti, Februari 2021
Tarih: Januari 1420H

Pengarah
Bahagian Perancang Bandar
PBT

Tuan,

PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA SEMENTARA DI UNIT NO 19, JALAN DELIMA MEWAH 3A, TAMAN MEWAH, 40345 RAWANG SELANGOR DARUL EHSAN OLH TETUAN SYARIKAT MEGA JAYA SDN. BHD.

Dengan hormatnya menujuk kepada perkara di atas adalah berikutan:

1. Aduan dimaklumkan saya No. Kad Pengenalan sebagai Pengarah/Wakil Syarikat No. Pendaftaran Syarikat ingin membuat permohonan menggunakan unit/premis kediaman seperti di atas untuk sebagai penginapan pekerja sementara bagi tempoh selama dua (2) tahun bermula pada hingga

2. Untuk makluman tuan, pihak majikan bersepuh untuk mematuhi segala keperluan dan syarat yang terkandung di dalam Prosedur Permohonan Bagi Penempatan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek di bawah Petai Irg KSU KPPT Bil 1/2021 dan selarasnya Akta 446 dan peraturannya yang berkuatkuca berkuatkuca. Pihak majikan juga akan sentiasa mematuhi dan memastikan penguni tersebut tidak menimbulkan sebarang kecuai gangguan dan membekalkan kerjasama yang sebaiknya dengan penduduk tempatan.

3. Pihak majikan juga sedia, sekiranya dipapli sebagai ini berdasar perundangan syarat-syarat yang telah ditetapkan, pihak PBT boleh mengambil apa-apa tindakan yang dibenarkan untuk mengawal perubahan/perundangan berkaitan dan persekitaran yang berkaitan adalah dianggap oleh pihak majikan/premisi tersebut perlu dilaksanakan kepada kegiatan asas.

4. Bagi maksud itu, bersama-sama ini disertakan maklumat permohonan terperinci sebagaimana senarai semak yang dilampirkan. Sebarang perlanjutan lanjut mengenai perkara ini, boleh hubungi _____ email _____

5. Pemetaan dan kerjasama tuan bagi mempermbangkan permohonan ini amat dihargai dan diutamakan dengan ucapan terima kasih.

Selamat,

Terima kasih

Yang Benar

(Pengarah/Wakil Majikan)
Syarikat

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI PREMIS UNIT KEDAMAIAN/RUMAH KEDUA SECARA SEMENTARA PBT: _____

| BIL | SENARAI SEMAK | TANDAKAN (i) |
|-----|---|--------------|
| 1 | Surat Permohonan Daripada Majikan/Pengurus/ Penginapan di atas. Sekiranya menggunakan pengundi penginapan/kontrak perunding, surat tersebut daripada pihak majikan adalah diperlukan. | |
| 2 | Senarai Lengkap Nama Pekerja dan No. Pasport (jika ada) yang No. Kad Pengenalan (jika tempatan) dan Senarai Pasport/Kad Pengenalan. | |
| 3 | Salinan Fajiran/ Senarai Aduka/Majikan dan Pemunya Unit/Premis Yang Dimohon Dan Telah Diakur/LHDH. | |
| 4 | Salinan Hakmilik Unit/Premis. | |
| 5 | Salinan Bayaran Cukai Pulu Unit/Premis Yang Terkini. | |
| 6 | Salinan Cukai Tanah Yang Terkini. | |
| 7 | Pelan Lokasi Dan Kedudukan Unit/Premis. | |
| 8 | Gambar Luaran Dan Dalaman Unit/Premis. | |
| 9 | Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Majikan. | |
| 10 | Lampiran lain perkara diperlukan mengikut keperluan PBT sekiranya dipapli wajar untuk diperolehi. | |

SENARAI NAMA PEKERJA (ASING/TEMPATAN) YANG MENGHUNI DI UNIT/PREMIS DAN SALINAN PASPORT

| BIL | NAMA PEKERJA (ASING/TEMPATAN) | NO IC/ PASPORT |
|-----|-------------------------------|----------------|
| 1 | | |
| 2 | | |
| 3 | | |
| 4 | | |
| 5 | | |

Perakuan : Saya selaku Pengarah/Wakil Majikan _____ dengan ini mengesahkan hanya nama pekerja di atas sahaja yang akan menghuni di unit/premisi yang dinyatakan di dalam permohonan ini. Namun demikian, bilangan penguni akhir adalah juga terlewatkan persetujuan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di dalam Perakuan Penginapan yang dikeluarkan di bawah Akta 446.

Sekiranya terdapat perubahan atau perubahan nama pekerja yang menghuni, saya akan memaklumkan semula kepada pihak PBT terlibat. Sekiranya, di dapati selepas ini, berdasar perancangan sebagaimana perakuan saya di atas, maka persetujuan daripada PBT adalah terlewat dan perlu dikembalikan semula sebagai kegunaan asal unit/premisi tersebut.

Yang Benar,

(Majikan/Wakil Majikan)

Tarih: _____



PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

CONTOH SURAT PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI ALTERNATIF 1 DAN ALTERNATIF 3

CONTOH SURAT PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI ALTERNATIF 1 DAN ALTERNATIF 3

Tarikh :
Bil. Rujukan :

Tuhan
.....
.....
.....

Tuan,

PERMOHONAN MENJADIKAN RUMAH KEDIAMAN SEDIA ADA DI NO.3, JALAN DELMA 23, TAMAN SETIA JAYA, SEKSYEN 36, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA SECARA SEMENTARA DI BAWAH KEPERLUAN PERUNTUKAN SUB SEKSYEN 24H, AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PINDAAN) 2019 (AKTA 446).

- Persekitaran Penginapan Pekerja Secara Sementara

Dengan segala hormatnya, saya mewakili perkara di atas dan permohonan pihak tuan bertitah..... bil. rujukan..... adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, setelah meneliti permohonan dan dokumen yang telah dikemukakan sebelum ini dan menurut peruntukan di bawah Sub seksyen 24H, Akta 446, pihak Magia secara dasarnya membenarkan persetujuan untuk membenarkan unit rumah kediaman di NO.3, JALAN DELMA 23, TAMAN SETIA JAYA, SEKSYEN 36, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR sebagai penginapan pekerja secara sementara sehingga 31 Disember 2023 sebagaimana Pekeliling Setausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 12021 - Prosedur Permohonan Bagi Penyetiaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek.

Kebanyakan sila diberikan dengan syarat-syarat berikut:

- 2.1 Kediaman asal tidak melibatkan sebarang perubahan struktur dalam mahupun luaran;
- 2.2 Perlu menyelesaikan bungkusan utiliti (sekitarnya ada);

2.3 Memenuhi Akta Standard Minimum Pemukiman, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 2019 (Akta 446)

2.4 Tidak melibatkan sebarang kaca ganggu dan selesa memasang kawasan perselatan yang bersih dan teratur.

2.5 Hanya nama pekerja seperti disenaraikan semasa permohonan ini sahaja dibenarkan. Namun demikian, bilangan kapasid akhir pekerja yang menginap adalah tertakluk di bawah kebenaran Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Malaysia (JTKM).

2.6 Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti/program/kerjasama yang melibatkan kumpulan ramai orang.

2.7 Tidak dibenarkan membara kawasan perkhidmatan.

2.8 Tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk aktiviti atau perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

2.9 Sekiranya terdapat salah seorang daripada pekerja yang positif Covid-19, prosedur KKM perlu lah dipatuhi.

2.10 Syarat-syarat tambahan lain:

3. Sekiranya didapati dengan bukti yang jelas terdapat sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas dengan niat atau tanpa niat, pihak majikan dan penyewa unit berkenaan akan bertanggungjawab sepenuhnya dan pihak Magia akan menaiki semula persetujuan ini serta unit tersebut perlu dihanguskan dengan segera dan dibenarkan semula sebagai kediaman/pekerja asal.

4. Dengan persetujuan ini, pihak tuan bersetia mengambil tindakan lanjut untuk dikemukakan kepada pihak JTKM untuk proses seterusnya. Pihak tuan diminta mengemukakan senarai Perakuan Penginapan daripada JTKM setelah dipersetujui kepada pihak Magia untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Kerjasama dan perhatian terpuji pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

Silaya yang menjalankan amanah,

(Pegawai Perancangan Bandar PBT)



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



“TERIMA KASIH,,”

LAMPIRAN

SENARAI SEMAK DAN CONTOH SURAT PERMOHONAN

CONTOH SURAT PERMOHONAN DARIPADA MAJIKAN / WAKIL MAJIKAN BAGI PERMOHONAN
PENGINAPAN ASRAMA PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK DI BAWAH
ALTERNATIF A1 (UNIT KEDIAMAN SEDIA ADA) DAN
ALTERNATIF A3 (PREMIS RUMAH KEDIA SEDIA ADA)

Rujukan Kami : MDKT/OSC/AM01-01()
Tarikh : Julai 2021

Majlis Daerah Kota Tinggi

Jalan Padang,
Pekan Kota Tinggi,
81900 Kota Tinggi,
Johor Darul Ta'zim
(u/p : Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap)

Tuan

**PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA / ASRAMA PEKERJA SECARA SEMENTARA DI
UNIT NO. 19, JALAN SS 2/4, TAMAN SRI SAUJANA 81900 KOTA TINGGI JOHOR DARUL
TA'ZIM OLEH TETUAN SYARIKAT MEGA JAYA SDN BHD**

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan saya _____,
No kad pengenalan _____ sebagai Pengarah / Wakil Syarikat
_____, No Pendaftaran syarikat _____ ingin
membuat permohonan menggunakan unit / premis kediaman seperti di alamat

_____ sebagai penginapan pekerja
sementara bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada _____ hingga
_____.

3. Untuk makluman tuan, pihak majikan bersetuju untuk mematuhi segala keperluan dan syarat yang terkandung di dalam Prosedur Permohonan bagi penyediaan penginapan pekerja secara jangka pendek di bawah pekeliling KSU KPKT Bil 1/2021 dan seterusnya Akta 446 dan peraturan / akta yang berkuatkuasa berkaitan. Pihak majikan juga akan sentiasa memantau dan memastikan penghuni tersebut tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu dan memberikan kerjasama yang sebaiknya dengan penduduk tempatan.

4. Pihak majikan juga sedar, sekiranya didapati selepas ini terdapat pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan, pihak MDKT boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan patut mengikut peraturan/perundangan berkaitan dan persetujuan yang diberikan adalah dianggap ditarik balik dan unit/premis tersebut perlu dikembalikan kepada kegunaan asal.

5. Bagi maksud itu, bersama-sama ini disertakan maklumat permohonan terperinci sebagaimana senarai semak yang disertakan. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh hubungi _____ di talian _____ email
_____.

6. Perhatian dan kerjasama tuan bagi mempertimbangkan permohonan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar

(Nama Pengarah / Wakil Syarikat)
Syarikat.

CONTOH PERAKUAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT) DARIPADA PIHAK MAJIKAN / PEMILIK PREMIS BAGI KEDIAMAN 'RUMAH KAMPUNG' DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN PBT UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA SECARA SEMENTARA

Rujukan Kami :
Tarikh : Julai 2021

Majlis Daerah Kota Tinggi

Jalan Padang,
Pekan Kota Tinggi,
81900 Kota Tinggi,
Johor Darul Ta'zim
(u/p : *Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap*)

Tuan

PERAKUAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT) DARIPADA TETUAN SYARIKAT ABS MAJU SDN BHD TERHADAP CADANGAN SEBUAH RUMAH DI ATAS LOT 23A, LORONG MURNI, KAMPUNG LUKUT 81900 KOTA TINGGI JOHOR DARUL TA'ZIM SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan saya _____,
No kad pengenalan _____ sebagai Pengarah / Wakil Syarikat _____, No Pendaftaran syarikat _____ ingin menyatakan satu (1) permohonan menggunakan unit kediaman seperti di alamat _____ sebagai penginapan pekerja sementara bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada _____ hingga _____.

3. Tanpa prejudis, sebagai memenuhi keperluan dalam permohonan ini, saya ingin membuat Perakuan Kendiri (Self Assessment) mewakili syarikat seperti di atas dan pemunya unit. Bahawa saya mewakili Tetuan Syarikat ABC Maju Sdn Bhd, selepas ini tidak akan membuat apa-apa tuntutan atau tindakan perundangan kepada Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dan mana-mana agensi Kerajaan berkaitan dan saya memahami sepenuhnya dan bertanggungjawab untuk mematuhi dan memastikan keperluan berikut dipatuhi dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan dan kemungkinan;

- i. Saya memahami rumah ini adalah rumah kampung yang tidak ada sebarang kelulusan dan persetujuan daripada PBT dan tidak ada CCC;
- ii. Saya akan mematuhi segala keperluan di bawah Akta 446;
- iii. Saya dengan segala usaha akan memastikan keperluan keselamatan dan pencegahan kebakaran diadakan bagi unit ini;
- iv. Memastikan tidak ada sebarang aktiviti atau membawa alat mudah terbakar di dalam unit yang boleh menimbulkan risiko kemalangan dan kebakaran;
- v. Setiap penghuni akan memastikan semua punca elektrik dimatikan selepas digunakan dan selepas semua keluar;

- vi. Tidak membuat sambungan atau tambahan pendawaian elektrik sendiri tanpa kebenaran TNB;
- vii. Pihak syarikat akan sentiasa memantua keadaan unit ini dari semasa ke semasa;
- viii. Tiada pembakaran terbuka dibuat;
- ix. Memastikan keadaan unit sentiasa bersih dan tersusun supaya tidak ada halangan yang menyukarkan keadaan menyelamatkan sekiranya terdapat kemalangan berlaku;
- x. Sentiasa melaporkan segera kepada pihak berkaitan sekiranya didapati berlaku kerosakan elektrik;
- xi. Lain-lain : _____

4. Saya juga memahami, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan PBT boleh pada bila-bila masa menjalankan audit dan pemeriksaan ke atas unit ini, dan sekiranya didapati dengan jelas terdapat pelanggaran atau ketidak patuhan terhadap mana-mana perakuan di atas atau tidak memenuhi keperluan agensi berkuasa, maka tindakan boleh di ambil di bawah perundangan semasa dan kebenaran ke atas unit ini adalah dianggap ditarik balik.

5. Kerjasama dan pertimbangan selanjutnya daripada pihak tuan atas perkara ini adalah diharapkan.

Sekian,

Yang Benar

(Nama Pengarah / Wakil Syarikat)
Syarikat.

**SENARAI NAMA PEKERJA (ASING / TEMPATAN) YANG MENGHUNI DI UNIT / PREMIS DAN
SALINAN PASPORT**

Perakuan :

Saya selaku Pengarah / Wakil Majikan dengan ini mengesahkan hanya nama yang dilampirkan pada yang akan menghuni di unit / premis yang dinyatakan di dalam permohonan ini. Namun demikian, bilangan penghuni akhir adalah juga tertakluk kepada persetujuan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di dalam Perakuan Penginapan yang dikeluarkan di bawah akta 446.

Sekiranya terdapat pertukaran atau perubahan nama pekerja yang menghuni, saya akan memaklumkan semula kepada pihak MDKT. Sekiranya, di dapati seelas ini, terdapat percanggahan sebagaimana perakuan saya di atas, maka persetujuan daripada MDKT adalah terbatal dan perlu dikembalikan semula sebagai kegunaan asal unit/ premis tersebut;

Yang Benar

(Nama Pengarah / Wakil Syarikat)
Syarikat.

| BIL | NAMA PEKERJA (ASING / TEMPATAN) | NO IC / PASSPORT |
|------------|--|-------------------------|
| 1 | | |
| 2 | | |
| 3 | | |
| 4 | | |
| 5 | | |
| 6 | | |
| 7 | | |
| 8 | | |
| 9 | | |

**CONTOH SURAT PERSETUJUAN PBT BAGI
ALTERNATIF A1 (UNIT KEDIAMAN SEDIA ADA) DAN
ALTERNATIF A3 (PREMIS RUMAH KEDIA SEDIA ADA)**

Rujukan Kami :
Tarikh : Julai 2021

MEGA TRADING SDN BHD
No. 26, Jalan Susur 5,
Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan

PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA / ASRAMA PEKERJA SECARA SEMENTARA DI UNIT NO. 19, JALAN SS 2/4, TAMAN SRI SAUJANA 81900 KOTA TINGGI JOHOR DARUL TA'ZIM OLEH TETUAN SYARIKAT MEGA JAYA SDN BHD SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA SECARA SEMENTARA DI BAWAH KEPERLUAN SUB SEKSYEN 24H, AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PINDAAN) 2019 (AKTA 446)

- Persetujuan Penginapan Pekerja Secara Sementara

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dan permohonan pihak tuan bertarikh _____ buil rujukan _____ adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, setelah meneliti permohonan dan dokumen yang telah dikemukakan sebelum ini dan menurut peruntukan di bawah sub seksyen 24H, Akta 446, pihak Majlis secara dasarnya memberikan persetujuan untuk membenarkan unit rumah kediaman **NO. 19, JALAN SS 2/4, TAMAN SRI SAUJANA 81900 KOTA TINGGI JOHOR DARUL TA'ZIM** sebagai penginapan pekerja secara sementara sehingga 31 Disember 2030 sebagaimana Pekeliling Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil 1/2021: Prosedur Permohonan bagi penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek.

Kebenaran ini diberikan dengan syarat-syarat berikut :

- 2.1 Kediaman asal tidak melibatkan sebarang pengubah suaian dalam mahupun luaran;
- 2.2 Perlu menyelesaikan tunggakan cukai pintu / taksiran (sekiranya ada);
- 2.3 Mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 2019 (Akta 446);
- 2.4 Tidak melibatkan sebarang kacau ganggu dan sentiasa memastikan kawasan persekitaran yang bersih dan teratur;
- 2.5 Hanya nama pekerja seperti dikemukakan semasa permohonan ini sahaja dibenarkan. Namun demikian, bilangan kapasiti akhir pekerja yang menginap adalah tertakluk di bawah kebenaran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);
- 2.6 Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti / program / keraian yang melibatkan kumpulan ramai orang;
- 2.7 Tidak dibenarkan membela haiwan peliharaan;

- 2.8 Tidak dibenar membuat sebarang bentuk aktiviti atau perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada;
 - 2.9 Sekiranya terdapat salah seorang daripada pekerja yang positif covid 19 prosedur KKM perlu dilah dipatuhi
 - 2.10 Syarat-syarat tambahan lain :
-

3. Sekiranya didapat dengan bukti yang jelas terdapat sebarang pelanggaran syarat – syarat di atas dengan niat atau tanpa niat, pihak majikan dan penyewa unit berkenaan akan bertanggung jawab sepenuhnya dan pihak Majlis akan menarik balik semula persetujuan ini, serta unit tersebut perlu dikosongkan dengan segera dan dikembalikan semula sebagai kediaman/oremis asal.

4 Dengan persetujuan ini, pihak Tuan bolehlah mengambil tindakan lanjut untuk dikemukakan kepada pihak JTKSM untuk proses seterusnya. Pihak tuan diminta mengemukakan sesalinan Perakuan Penginapan daripada JTKSM setelah dipersetujui kepada pihak Majlis untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Kerjasama Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

“ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN ”

Saya yang menjalankan amanah

(MOHD FAHMY BIN YAHYA)

Yang Dipertua,

Majlis Daerah Kota Tinggi



**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI,
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)**
Jalan Padang,
81900 Kota Tinggi,
Johor Darul Ta'zim.

Telefon : 07-8835700
07-8834558
07-8831004
07-8834559
No. Fax : 07-8834015
Laman Web : www.mdkkt.gov.my

- Yang Dipertua
- Setiausaha
- Pejabat Am
- Pejabat Am



P2-15

**BORANG SENARAI SEMAK OSC 3.0 PLUS ONLINE :
PERMOHONAN PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA DI KAWASAN PERUMAHAN / RUMAH KEDAI
SEDIA ADA SECARA JANGKA PENDEK
(ALTERNATIF A1 & A3)**

1.0 : PROFIL PERMOHONAN

1.1 : TAJUK PERMOHONAN :

Permohonan Penginapan Pekerja secara sementara

1.2 : ID PERMOHONAN :

1.3 : JENIS PEMBANGUNAN :

1.4 : KELUASAN TAPAK CADANGAN :

1.5 : SKALA PEMBANGUNAN :

1.6 : PERUNDING (NAMA/ALAMAT/NO TEL) :

1.7 : PEMILIK TANAH / PEMOHON(NAMA/ALAMAT/NO TEL) :

| 2.0 SENARAI DOKUMEN (PDF) YANG PERLU DIMUATNAIK : | | Dokumen Yang Dimuatnaik (/) | | Salinan Hardcopy |
|---|--|-----------------------------|-----|------------------|
| BIL | DOKUMEN | PSP | OSC | |
| A | SEMUA AGENSI / JABATAN TEKNIKAL | | | |
| 1. | SURAT PERMOHONAN RASMI DARIPADA MAJIKAN / PENGENDALI PENGINAPAN - Sekiranya menggunakan pengendali penginapan / khidmat perunding, surat lantikan daripada pihak majikan diperlukan. - Sila rujuk contoh format surat permohonan yang diberikan | | | 1 |
| 2. | BORANG PENGESAHAN SENARAI NAMA PEKERJA - Maklumat No passport (asing)/ kad pengenalan (tempatan) dan salinan perlu dikemukakan. | | | 1 |
| 3. | SALINAN PERJANJIAN SEWA PENGINAPAN PEKERJA - Perjanjian sewa antara majikan dan pemunya unit yang dimeterai dan telah disahkan oleh LHDN | | | 1 |
| 4. | SALINAN HAKMILIK / CARIAN RASMI UNIT KEDIAMAN | | | 1 |
| 5. | SALINAN CUKAI PINTU UNIT YANG TERKINI | | | 1 |
| 6. | SALINAN CUKAI TANAH YANG TERKINI | | | 1 |
| 7. | PELAN BANGUNAN / PELAN LANTAI - Sekiranya ada | | | 1 |
| 8. | PELAN LOKASI DAN KEDUDUKAN UNIT PENGINAPAN PEKERJA. | | | 1 |
| 9. | GAMBAR LUAR DAN DALAM UNIT | | | 1 |
| 10. | SALINAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT MAJIKAN | | | 1 |

*Dikemaskini Pada 15 Oktober 2021

(*) = Sekiranya Berkaitan/Perlu

Nota: 1. Semua Dokumen Hendaklah Disediakan Dalam Format Digital (PDF) Bagi Permohonan Secara OSC 3.0 Plus Online.

PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK (A1 & A3)

- ❖ Definisi Penginapan Pekerja bermaksud satu unit kediaman / perniagaan / perindustrian (sama ada diubah suai atau tidak diubah suai) yang digunakan untuk menempatkan beberapa orang pekerja meliputi pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.
- ❖ Definisi Asrama Pekerja bermaksud suatu deretan / kelompok bangunan yang lebih dari satu unit bangunan (sama ada diubah suai atau tidak diubah suai) yang digunakan untuk menempatkan sekumpulan pekerja meliputi pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.
- ❖ Semua permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Sistem OSC 3.0 Plus Online dan salinan *hardcopy* perlu diberikan kepada Unit Pusat Setempat, MDKT;
- ❖ Mematuhi Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
- ❖ Mematuhi syarat-syarat dalam Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek (2021), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- ❖ Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah / PPR/ Mampu Milik;
- ❖ Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
- ❖ Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
- ❖ Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu.

3.0 UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA :

3.1 STATUS SEMAKAN

Permohonan ini hanya akan Disahkan & Didaftarkan Sekiranya Dokumen 'Hardcopy' lengkap sepenuhnya

Lengkap Tidak Lengkap

3.2 PENGESAHAN :

Disemak Oleh ;

Diperiksa Oleh ;

Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Nama :
Jawatan :
Tarikh :